

Penerima biasiswa SPH terkesan buat liputan sepanjang pandemik...



– Foto ihsan
LUQMANUL HAKIM
MOHAMED ISMAIL

TEMPOH tugas Encik Luqmanul Hakim Mohamed Ismail, 21 tahun (*gambar atas*), di bilik berita *The Straits Times* unik, lebih-lebih lagi dalam keadaan pandemik ini.

Mei lalu, Encik Luqmanul, yang sedang mengikuti program kenal suai kerja, terpaksa bekerja dari rumah selama tiga minggu apabila jangkitan Covid-19 melonjak.

Namun menurutnya beliau telah banyak belajar semasa tempoh enam bulan sebagai wartawan.

Selain membuat liputan mengenai perniagaan yang ter-


jejas akibat pandemik dan kegiatan semasa Ramadan yang disambung semula selepas keadaan lebih stabil, beliau juga menghasilkan laporan lain seperti perbuatan pejalan kaki, terutama warga emas, yang menyeberangi jalan raya tanpa mematuhi peraturan.

Bekas pelajar Maktab Rendah Tampines itu antara lima penerima Biasiswa Kewartawanan Singapore Press Holdings (SPH) yang diberikan semalam.

■ **Laporan lanjut – Muka 5**

Media, wartawan tetap main perananan penting sebar maklumat

► **NUR SYUHRAH HASSAN**
nsyuhrah@sph.com.sg



MINAT BIDANG MEDIA: Encik Luqmanul Hakim Mohamed Ismail mula memupuk minat dalam bidang kewartawanan sejak di maktab rendah dan gembira terpilih untuk menerima Biasiswa Kewartawanan SPH 2021. – Foto ihsan LUQMANUL HAKIM MOHAMED ISMAIL.

WARTAWAN dan media tetap memainkan peranan penting dalam usaha menyebarkan maklumat kepada pihak awam, sebagaimana yang dilihat dalam pandemik ini dan penstrukturan semula perniagaan media Singapore Press Holdings (SPH) membolehkan syarikat itu berubah dan memperuntuk sumber bagi kewartawanan yang bermutu, kata pengerusi SPH Dr Lee Boon Yang.

Dr Lee turut menekankan lagi cabaran yang dihadapi industri media disebabkan gangguan digital di serata dunia.

“Di serata dunia, bilangan pembaca dan pendapatan pertubuhan media tradisional telah merosot, sementara rangkaian media sosial dan e-dagang tampil sebagai pemain utama dalam pasaran pengiklanan.

“Berlatarkan trend ini, SPH telah memutuskan menyusun semula perniagaan media menjadi entiti yang tidak mencari keuntungan bagi memastikan ia berdaya tahan bagi jangka panjang... jika diluluskan, penyusunan semula ini akan membolehkan perniagaan media memperuntuk sumber yang ditambah bagi usaha perubahan dan kewartawanan bermutu, dan untuk melabur dalam bakat dan teknologi baru bagi memperkukuh keupayaan digital,” ujar Dr Lee.

Beliau berkata demikian semalam, di majlis penyampaian Biasiswa SPH dan Yayasan SPH yang dijalankan secara maya.

Seramai 34 pelajar menerima biasiswa di majlis itu yang dibahagikan kepada tiga jenis – lima Biasiswa Kewartawanan SPH; 16 Biasiswa Untuk Anak Kakitangan SPH dan Pengerusi Surat Khabar dan 13 Biasiswa Peringatan Lim Kim San.

Dr Lee berkata penerima biasiswa SPH juga menandakan harapan yang baru bagi syarikat itu setelah mereka melengkapkan pengajian masing-masing.

Antara penerima Biasiswa Kewartawanan ialah Encik Luqmanul Hakim Mohamed Ismail, 21 tahun, yang kini baru sahaja mula pengajiannya di Universiti Nasional Singapura dalam jurusan Pengajian Global.

Encik Luqmanul Hakim berkata minatnya dalam kewartawanan bermula sejak beliau belajar di Maktab Rendah Tampines. Beliau sering curiga dan ingin tahu bagaimana laporan akhbar dihasilkan.

“Biasiswa ini penting bagi saya kerana ia dapat menyokong dan membantu saya memenuhi impian saya menjadi seorang wartawan.

“Saya memohon biasiswa ini kerana saya yakin tugas seorang wartawan antara khidmat yang membantu masyarakat Singapura, terutama sekali, masyarakat Melayu, menerusi cerita-cerita yang saya harap saya dapat hasilkan nanti,” jelasnya yang sebelum ini telah menjalani latihan amali di SPH di pejabat akhbar *The Straits Times* selama enam bulan.



SUKACITA DAN TERHARU: Bagi Imanina Mohamed Zalaini, biasiswa bagi anak-anak kakitangan SPH sungguh bermakna untuk dirinya serta bapanya, Encik Mohamed Zalaini Abu Amin, kerana dapat membantu meringankan beban kewangan pendidikannya. – Foto ihsan IMANINA MOHAMED ZALAINI



– Dr Lee Boon Yang, pengerusi SPH.

“Di serata dunia, bilangan pembaca dan pendapatan pertubuhan media tradisional telah merosot, sementara rangkaian media sosial dan e-dagang tampil sebagai pemain utama dalam pasaran pengiklanan. Berlatarkan trend ini, SPH telah memutuskan menyusun semula perniagaan media menjadi entiti yang tidak mencari keuntungan bagi memastikan ia berdaya tahan bagi jangka panjang.”

Seorang lagi penerima biasiswa ialah Imanina Mohamed Zalaini, 18 tahun, pelajar tahun enam di Institusi Raffles.

Beliau antara 16 penerima bagi kategori Biasiswa Untuk Anak Kakitangan SPH dan Pengerusi Surat Khabar

Bercakap kepada *Berita Harian*, beliau berkata biasiswa ini juga sangat bermakna bagi bapanya, Encik Mohamed Zalaini Abu

Amin, 52 tahun, yang sudah 27 tahun bekerja di SPH di bahagian pencetakan.

“Saya berasa sukacita dan terharu kerana diberikan peluang berharga ini. Saya memohon untuk biasiswa ini juga kerana mahu meringankan beban kewangan pendidikan saya,” kata beliau, seorang pelajar Program Elektif Bahasa Melayu (MLEP) di sekolahnya. Beliau akan menduduki peperiksaan Sijil Am Pelajaran (GCE) Peringkat ‘A’ tahun ini.